

Implikasi ka

B.H 12/12/07 M/S 6

Ramai wanita tempatan hadapi kesukaran jika p



RUJUKAN KES: Siti Nadzirah lalui pengalaman getir sebelum dapat hak penjagaan anak

INDIVIDU yang berhasrat mengahwini warga asing di luar negara diingatkan segera pulang mendaftarkan perkahwinan mereka di negara ini agar pernikahan mereka diiktiraf dari segi undang-undang. Pengesahan mahkamah syariah itu penting untuk memastikan hak mereka terpelihara sekiranya berlaku perceraian di kemudian hari.

Presiden Persatuan Syarie Malaysia, Zainul Rijal Abu Bakar, berkata mereka yang berkahwin dengan warga asing di negara ini lebih rendah risiko daripada dianiaya berbanding mereka yang bernikah di luar negara. Lebih memburukkan keadaan sekiranya pernikahan itu tidak didaftarkan di negara ini.

"Mereka yang bernikah di negara ini lazimnya tidak ada masalah kerana perkahwinan mereka diiktiraf undang-undang. Bagaimanapun, mereka yang berkahwin dengan warga asing di luar negara berdepan implikasi jika tidak mendaftarkan perkahwinan mereka semula di negara ini. Perkahwinan mereka sah dari segi hukum, tetapi tidak di sisi undang-undang negara. Apabila berlaku perceraian, wanita lebih bermasalah berbanding lelaki kerana sukar untuk menuntut sebarang hak seperti hak penjagaan anak, harta sepencarian dan sebagainya," katanya.

Katanya, sebaiknya dalam tempoh enam bulan selepas pulang ke tanah air, pasangan perlu mendaftarkan pernikahan mereka. Dokumen perlu dibawa seperti surat nikah atau perakuan sumpah saksi. Jika semua dokumen ini lengkap, mahkamah tiada masalah memberikan pengiktirafan kepada pernikahan mereka.

"Seandainya berlaku perceraian sedangkan perkahwinan tidak didaftarkan, mahkamah tidak dapat menerima permohonan cerai berkenaan. Selagi tiada pengesahan perkahwinan, nasib wanita ibarat digantung tidak bertali dan lebih buruk tidak dapat hak penjagaan anak. Mereka perlu dapatkan pengesahan perkahwinan terlebih dulu dan terpaksa turun naik mahkamah," katanya.

Lazimnya pasangan perlu menunggu sekurang-kurangnya sebulan untuk menyelesaikan proses pengesahan nikah. Berdasarkan pengalamannya, Zainul berkata menemui banyak kes membabitkan warga tempatan yang berkahwin dengan warga asing di luar negara, tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan mereka di negara ini. Kebanyakannya memberi alasan tidak tahu bahawa perkahwinan berkenaan perlu didaftarkan dan sesetengahnya berpendapat pendaftaran tidak perlu kerana menganggap perkahwinan mereka sah.

Zainul dihubungi baru-baru ini turut merujuk kes Siti Nadzirah Mohd Nasir, 20, yang berkahwin dengan lelaki Pakistan dan membuat tuntutan hak jagaan anak pada 23 November lalu di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Zainul berkata wanita itu bernasib baik kerana berkahwin di negara ini dan perkahwinannya adalah sah dari segi undang-undang.

"Pengesahan ini memudahkan Siti Nadzirah membuat tuntutan hak penjagaan anak dan tuntutan lain selepas berdepan masalah rumah tangga. Mahkamah meluluskan perintah hak jagaan sementara kepada beliau hingga keputusan berhubung hak penjagaan kekal dibuat. Hak penjagaan anak adalah antara isu yang sering berbangkit apabila berlaku perceraian," katanya.

Beliau berkata, wanita harus sedar bahawa hak penjagaan anak tidak semestinya menjadi hak ibu atau bapa apabila bercerai walaupun secara umumnya, ibu paling layak menjaga

anak yang masih kecil.

"Kita bercakap mengenai hak anak bukan hak ibu bapa. Apa yang mahkamah mahukan adalah kebajikan anak terus terbela walaupun selepas berlaku perceraian. Mahkamah akan memutuskan siapa lebih berhak dengan menekankan kebajikan mereka. Tidak semestinya ibu bapa berhak jaga anak. Boleh jadi, nenek atau datuk lebih berhak dan layak untuk menjaga anak berkenaan. Kalau anak itu mumayyiz iaitu boleh membezakan antara baik dan buruk, mereka boleh dipanggil oleh mahkamah untuk menentukan dengan siapa mereka ingin tinggal," katanya.

Fenomena wanita tempatan memilih lelaki warga asing bukan satu perkara baru malah mulai menular secara besar-besaran sejak akhir 1980-an. Kemasukan pekerja asing khususnya dari Bangladesh dan Pakistan, membuatkan ramai wanita tempatan memilih mereka sebagai pasangan hidup kononnya kerana wajah mereka mirip pelakon

hwin warga asing

pernikahan tidak didaftar semula di negara kelahiran



GAMBAR HIASAN



“Seandainya berlaku perceraian sedangkan perkahwinan tidak didaftarkan, mahkamah tidak dapat menerima permohonan cerai berkeñaan. Selagi tiada pengesahan perkahwinan, nasib wanita ibarat digantung tidak bertali dan lebih buruk tidak dapat hak penjagaan anak”

Zainul Rijal Abu Bakar
Presiden Persatuan Syarie Malaysia

memegang kewarganegaraan asing dan termaktub dalam undang-undang negara berkeñaan.

Katanya, selain memastikan perkahwinan didaftarkan, wanita yang ingin berkahwin dengan lelaki asing perlu bersedia membuka minda dengan mengenali secara lebih dekat pasangan yang sudah tentu berbeza sama sekali latar belakang hidupnya. Sikap toleransi dalam menerima budaya orang luar amat penting bagi memastikan rumah tangga yang dibina

kekal harmoni.

“Memahami budaya hidup pasangan dan keluarga penting sekali bagi mengekalkan ikatan perkahwinan. Paling penting, menghormati budaya mereka. Misalnya jika berkahwin dengan lelaki dari negara Asia Barat, wanita di sana biasanya menutup muka mereka, tetapi wanita di sini mungkin tidak dapat menerimanya. Kadangkala perkara kecil pun boleh menjadi isu yang meretakkan rumah tangga,” katanya

Pendek kata, membuat keputusan untuk mendirikan rumahtangga tidak boleh dibuat sekadar melepaskan batuk di tangga. Kata orang, ikut nafsu binasa. Ada baiknya, perkara buruk difikirkan terlebih dulu sebelum memilih pasangan. Bukan warga luar itu tidak baik tetapi latar belakang serta budaya berbeza pastinya sedikit sebanyak menimbulkan ketegangan.

Jika si suami tidak bermasalah, isteri mungkin terpaksa berdepan dengan keluarga khususnya mentua yang berbeza budaya dan adat. Di sinilah sikap toleransi diperlukan. Bagaimanapun, terpujang kepada diri sendiri. Tepek dada, tanya selera.

FAKTA

Risiko mengahwini warga asing:

- Perkahwinan tidak didaftarkan dan disahkan.
- Sukar menyesuaikan diri dengan cara hidup pasangan.
- Bermasalah dengan mentua.
- Ditinggalkan begitu saja atau digantung tidak bertali.
- Sukar mendapat hak penjagaan anak serta tuntutan lain.

Apa perlu dilakukan bila berkahwin dengan warga asing:

- Pastikan perkahwinan sah di sisi undang-undang dengan mendaftar di Pejabat Agama Islam.
- Belajar memahami budaya hidup pasangan.
- Menghormati cara hidup pasangan dan keluarganya.
- Bersikap toleransi

k.

Bollywood. Bagaimanapun, sebilangan wanita mengalami pelbagai masalah apabila perkahwinan mereka tidak kekal lama. Paling menyedihkan, mereka ditinggalkan begitu saja atau digantung tidak bertali selepas lelaki berkeñaan pulang ke tanah air.

Selepas dua dekad, fenomena ini masih berterusan walaupun bilangan rakyat Malaysia yang berkahwin dengan warga asing menunjukkan penurunan. Bagaimanapun, Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Abdul Rahman Ibrahim, berkata sejak tiga tahun lalu sehingga 2006, dianggarkan 5,557 wanita tempatan mengahwini lelaki warga asing. Lelaki dari Eropah, Bangladesh, Pakistan dan Indonesia menjadi pilihan mereka.

Perkahwinan yang tidak didaftarkan memungkinkan wanita terlepas peluang hak penjagaan dan berdepan dilema apabila terpaksa berpisah dengan anak mereka. Lebih bermasalah lagi sekiranya anak berkeñaan